

Tel: 088-283283  
Fax: 088-239046  
E-mail: doasabah@sabah.gov.my  
Laman Web: www.sabah.gov.my/tani



**Jabatan Pertanian Sabah**  
Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah  
Aras 1, 5, 6 & 7, Wisma Pertanian Sabah  
Jalan Tasik, Luyang  
Off Jalan Maktab Gaya  
Beg Berkunci No. 2050  
88632 KOTA KINABALU

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JPTN(IP):100-4/14/Klt.3/(46)

Tarikh: 23 Oktober 2012

**SABAH, MALAYSIA**

**Sila lihat senarai agihan (Lampiran 1) yang disertakan**

**ARAHAN JABATAN (KEWANGAN) BIL. 3/2012**

- I) TARIKH AKHIR PENGELUARAN WARAN PERJALANAN UDARA BAGI TAHUN 2012**
- II) PEMBELIAN TIKET SECARA TUNAI ATAU DALAM TALIAN DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PENERBANGAN TAMBANG MURAH**

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Siri 3/2012 pada 11 Oktober 2012. Mesyuarat telah memutuskan bahawa tarikh akhir mengeluarkan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) untuk pembelian tiket penerbangan ditetapkan pada 30 November 2012. Keputusan ini diambil memandangkan lazimnya pihak Syarikat penerbangan lewat mengeluarkan invoice dan menyebabkan pembayaran tidak sempat dibayar pada tahun semasa atau dibayar dalam Akaun Kena Bayar.

3. Semua anggota jabatan yang bercadang untuk melakukan perjalanan udara diminta merancang dan membuat tempahan lebih awal sebelum tarikh akhir yang ditetapkan. Kakitangan yang membuat perjalanan selepas tarikh ini dikehendaki membeli tiket sendiri secara tunai atau dalam talian. Pembayaran balik perbelanjaan boleh dituntut bersama-sama dengan tuntutan perjalanan.

4. Diperhatikan juga bahawa harga tambang perjalanan yang dibeli secara tunai atau dalam talian adalah jauh lebih murah berbanding dengan harga tambang perjalanan udara menggunakan WPUA dengan agen penerbangan MAS. Sehubungan ini, sebagai langkah berjimat cermat, semua anggota Jabatan digalakkan membeli tiket secara tunai atau dalam talian setiap kali menggunakan perkhidmatan pengangkutan udara. Disamping itu kakitangan juga dinasihatkan menggunakan syarikat perkhidmatan penerbangan lain yang mengenakan harga tambang yang lebih murah sekiranya terdapat perkhidmatan ditawarkan di tempat yang dituju.

6. Semua Ketua Bahagian, Seksyen, Pegawai Pertanian Daerah dan Pegawai Penguasa Daerah dikehendaki untuk menguatkuasakan Arahan ini dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**

  
**(DATUK M.C. ISMAIL SALAM)**  
**PENGARAH PERTANIAN**

RR/vg  
23/10/2012



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO. SJJL : KLR 6012182